



PERATURAN ANUGERAH SUKAN MASUM

1 TAFSIRAN

- 1.1 Dalam peraturan ini :
- 1.1.1 **'Anugerah'** : Ertinya Anugerah Sukan MASUM
 - 1.1.2 **'Jawatankuasa Pemilihan'** : Ertinya Jawatankuasa Pemilihan Anugerah Sukan MASUM
 - 1.1.3 **'UA'** : Ertinya Universiti Awam
 - 1.1.4 **Ahli MASUM** : Ertinya ahli-ahli Majlis MASUM
 - 1.1.5 Pasukan : Ertinya 3 orang atau lebih atlet dalam satu pasukan. Manakala 50% calon adalah atlet Universiti Awam (UA)

2 TUJUAN ANUGERAH

- 2.1 Memberi motivasi dan penghargaan kepada atlet-atlet dan pegawai-pegawai sukan universiti awam agar sentiasa meningkatkan pencapaian mereka dalam sukan universiti dan seterusnya di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- 2.2 Menyatakan penghargaan kepada orang perseorangan, persatuan sukan dan pertubuhan-pertubuhan yang berkenaan di atas jasa perkhidmatan, sumbangan dan kepimpinan ke arah kemajuan sukan MASUM.

3 JENIS ANUGERAH

- 3.1 Anugerah Olahragawan
- 3.2 Anugerah Olahragawati
- 3.3 Anugerah Atlet PARA Terbaik Lelaki
- 3.4 Anugerah Atlet PARA Terbaik Wanita
- 3.5 Anugerah Bintang Harapan Lelaki
- 3.6 Anugerah Bintang Harapan Wanita

- 3.7 Anugerah Pasukan Terbaik
- 3.8 Anugerah Pengurus Terbaik
- 3.9 Anugerah Jurulatih Terbaik
- 3.10 Anugerah Tokoh Sukan
- 3.11 Anugerah Sekalung Budi
- 3.12 Anugerah Rakan MASUM
- 3.13 Anugerah Khas MASUM
- 3.14 Anugerah Atlet Lelaki Terbaik Universiti
- 3.15 Anugerah Atlet Wanita Terbaik Universiti

4 AM

- 4.1 Anugerah-anugerah di atas tidak semestinya dikurniakan setiap tahun kecuali jika pada pendapat Jawatankuasa Pemilihan taraf kejayaan atau pencapaian yang berkenaan adalah cemerlang.
- 4.2 Atlet yang dicalonkan mestilah berstatus pelajar sepenuh masa pada tahun yang dinilai.
- 4.3 Setiap atlet atau pasukan hanya boleh dicalonkan untuk memenangi satu kategori anugerah sahaja untuk setiap tahun pencalonan.
- 4.4 Minimum pencalonan Anugerah Olahragawan/Olahragawati, Atlet PARA Terbaik Lelaki/Wanita dan Bintang Harapan Lelaki/Wanita adalah bagi mereka yang mewakili Negara.
- 4.5 Calon yang dicalonkan mestilah bebas daripada sebarang tindakan disiplin/tatatertib. Atlet yang mempunyai **TINDAKAN TATATERTIB** atau **DISENARAI HITAM DALAM SISTEM PERUNDANGAN** serta mana-mana badan sukan kebangsaan/ antarabangsa adalah **DILARANG** dari dicalonkan dalam anugerah.
- 4.6 Pencalonan Anugerah Sukan MASUM mestilah dihantar oleh Pusat Sukan Universiti. Bagi Anugerah Pengurus, Jurulatih dan Pasukan Terbaik adalah dibenarkan mencalonkan oleh Pengerusi Permainan.
- 4.7 Setiap universiti boleh
- 4.8 **Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup akan ditolak.**
- 4.9 Keputusan jawatankuasa pemilih adalah muktamad.

5 ASAS PEMILIHAN

5.1 Anugerah Olahragawan/Olahragawati/

5.1.1 Anugerah ini dikurniakan kepada individu yang telah mewakili Negara di peringkat antarabangsa yang diiktiraf oleh MSN/MOM/FISU/AUSF/AUSC.

5.2 Anugerah Atlet PARA Terbaik Lelaki/Wanita

5.2.1 Anugerah ini dikurniakan kepada individu yang telah mewakili Negara di peringkat antarabangsa yang diiktiraf oleh MSN/MOM/FISU/AUSF/AUSC.

5.3 Anugerah Bintang Harapan Lelaki/Wanita

5.3.1 Anugerah ini dikurniakan kepada individu yang telah mewakili Negara di peringkat antarabangsa yang diiktiraf oleh MSN/MOM/FISU/AUSF/AUSC.

DAN;

5.3.2 Calon-calun mestilah Tahun 1 atau Tahun 2 pengajian semasa tahun dinilai

5.4 Anugerah Pasukan Terbaik

5.4.1 Anugerah ini dikurniakan kepada pasukan yang telah mewakili Negara/MASUM dalam acara berpasukan dan mencapai kejayaan atau mendapat pingat di peringkat antarabangsa atau kebangsaan yang diiktiraf oleh FISU/ AUSF/ AUSC/MASUM/MOM/KPT

5.5 Anugerah Pengurus Terbaik

5.5.1 Calon adalah merupakan warga Universiti Awam (UA) sahaja.

DAN;

5.5.2 Anugerah ini dikurniakan kepada pengurus pasukan yang telah menyumbang khidmat untuk pencapaian cemerlang pasukan yang mewakili Negara/MASUM di peringkat antarabangsa atau kebangsaan yang diiktiraf oleh FISU/AUSF/ AUSC/MASUM/MOM/KPT

5.6 Anugerah Jurulatih Terbaik

5.6.1 Calon adalah merupakan warga Universiti Awam (UA) sahaja.

DAN;

5.6.2 Anugerah ini dikurniakan kepada jurulatih yang berjaya dan berjasa membimbing atlet atau pasukan Negara/MASUM untuk mencapai prestasi tinggi samada di peringkat antarabangsa atau kebangsaan yang diiktiraf oleh FISU/AUSF/ AUSC/MASUM/MOM/KPT

5.7 Anugerah Tokoh Sukan

5.7.1 Anugerah ini dikurniakan kepada individu yang berjasa dan menjadi sumber inspirasi kepada pembangunan dan perkembangan sukan MASUM.

5.8 Anugerah Penghargaan Sekalung Budi

5.8.1 Anugerah ini dikurniakan kepada Ahli Majlis MASUM yang telah memberi sumbangan dan khidmat terhadap pembangunan Sukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

5.9 Anugerah Rakan MASUM

5.9.1 Anugerah ini dikurniakan kepada individu/organisasi yang telah memberi sumbangan dan kerjasama terhadap pembangunan sukan MASUM.

5.10 Anugerah Khas MASUM

5.10.1 Anugerah ini dikurniakan kepada individu atau pasukan yang menunjukkan prestasi cemerlang di satu-satu pertandingan antarabangsa atau memberi perkhidmatan yang cemerlang serta luar biasa ke arah kemajuan sukan MASUM.

5.10.2 Calon adalah merupakan warga Universiti Awam (UA) sahaja.

5.10.3 Universiti boleh mencadangkan 2 pencalonan **SAHAJA** yang mempunyai pencapaian yang luar biasa.

5.11 Anugerah Atlet Terbaik Lelaki/Wanita Universiti

5.11.1 Anugerah ini dikurniakan kepada individu yang telah menunjukkan pencapaian cemerlang di peringkat universiti masing-masing.

6 TEMPOH PENILAIAN ANUGERAH

6.1 Anugerah Olahragawan/Olahragawati, Atlet PARA Terbaik Lelaki/Wanita, Bintang Harapan Lelaki/Wanita, Pasukan Terbaik, Pengurus Terbaik, Jurulatih Terbaik, Anugerah Khas dan Atlet Terbaik Universiti hendaklah dalam tempoh (tahun akademik) yang dinilai.

6.2 Anugerah Tokoh Sukan dan Rakan MASUM tidak terikat dengan tahun yang dinilai.

7 JAWATANKUASA ANUGERAH

7.1 Sekretariat

7.1.1 Sekretariat adalah terdiri daripada :

- i. Pengerusi : Penolong Setiausaha Agung MASUM II
- ii. Ahli Jawatankuasa : 2 Ahli MASUM yang dilantik
2 Ahli yang dilantik oleh Pengerusi

7.1.2 Tugas Sekretariat adalah :

- 8.1.1.1 Menyemak dan menyenaraikan pencalonan yang diterima

7.2 Jawatankuasa Saringan

7.2.1 Jawatankuasa Saringan ditubuhkan adalah yang terdiri daripada :

- i. Pengerusi : Setiausaha Agung MASUM
- ii. Setiausaha : Penolong Setiausaha Agung MASUM II

Ahli Jawatankuasa

- i. Pengerusi Jawatankuasa Kecil Persediaan Atlet MASUM
- ii. Pengerusi Jawatankuasa Kecil Teknikal dan Pertandingan MASUM
- iii. 3 orang Ahli MASUM

7.2.2 Tugas Jawatankuasa Saringan adalah :

- 7.2.2.1 Menyenarai dan menyediakan rubrik markah bagi semua calon mengikut ranking.

7.3 Jawatankuasa Pemilihan

7.3.1 Sebuah Jawatankuasa Pemilihan ditubuhkan dan ahli-ahlinya dilantik oleh Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) pada setiap tahun yang terdiri daripada :

- i. Pengerusi : Timbalan. Pengerusi MASUM II
- ii. Setiausaha : Penolong Setiausaha Agung MASUM II

Ahli Jawatankuasa

- i. Setiausaha Agung MASUM
- ii. 4 orang ahli Majlis yang dilantik oleh MASUM
- iii. Wakil Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)
- iv. Wakil Majlis Sukan Negara (MSN)
- v. Wakil Majlis Olimpik Malaysia (MOM)
- vi. Wakil Persatuan Penulisan Sukan (SAM)

7.3.2 Tugas Jawatankuasa Pemilihan adalah :

7.3.2.1 Menyemak dan penilai pencalonan akhir yang diterima dan membuat keputusan.

7.3.2.2 Keputusan yang muktamad akan di sahkan dan ditandatangani oleh semua panel pemilihan.

8 JAWATANKUASA PENGELOLA

9.1 Sebuah universiti atau jawatankuasa pada setiap tahun akan dilantik oleh MASUM bagi mengurus dan mengelolakan Majlis Anugerah Sukan MASUM.

9 HADIAH PEMENANG ANUGERAH SUKAN MASUM

9.1 Anugerah Olahragawan/Olaharagawati

- 9.1.1 Piala Pusingan
- 9.1.2 Wang Tunai Pemenang RM 3,000.00
- 9.1.3 Trofi Iringan Pemenang
- 9.1.4 Blazer
- 9.1.5 Sijil Penghargaan
- 9.1.6 Setiap calon akan menerima Trofi Iringan dan Sijil

9.2 Anugerah Atlet PARA Terbaik Lelaki/Wanita

- 9.2.1 Wang Tunai Pemenang RM 1,500.00
- 9.2.2 Trofi Pemenang
- 9.2.3 Sijil Penghargaan
- 9.2.4 Setiap calon akan menerima Trofi Iringan dan Sijil

9.3 Anugerah Bintang Harapan Lelaki/Wanita

- 9.3.1 Wang Tunai Pemenang RM 1,000.00
- 9.3.2 Trofi Pemenang
- 9.3.3 Sijil Penghargaan
- 9.3.4 Setiap calon akan menerima Trofi Iringan dan Sijil

9.4 Anugerah Pasukan Terbaik

- 9.4.1 Wang Tunai Pemenang (setiap seorang RM300.00/ atau minimum RM1,000.00 sepasukan)
- 9.4.2 Trofi (setiap seorang/pasukan)
- 9.4.3 Sijil Penghargaan

9.5 Anugerah Pengurus Terbaik

- 9.5.1 Wang Tunai Pemenang RM1,000.00
- 9.5.2 Trofi
- 9.5.3 Sijil Penghargaan

9.6 Anugerah Jurulatih Terbaik

- 9.6.1 Wang Tunai Pemenang RM1,000.00
- 9.6.2 Trofi
- 9.6.3 Sijil Penghargaan

9.7 Anugerah Sekalung Budi

- 9.7.1 Wang Tunai Pemenang RM1,000.00
- 9.7.2 Trofi
- 9.7.3 Sijil Penghargaan

9.8 Anugerah Tokoh Sukan

- 9.8.1 Trofi
- 9.8.2 Sijil Penghargaan
- 9.8.3 Cenderahati (RM1,000.00)

9.9 Anugerah Rakan MASUM

9.9.1 Cenderahati

9.9.2 Sijil Penghargaan

9.10 Anugerah Khas MASUM

9.10.1 Wang Tunai Pemenang RM1,000.00

9.10.2 Trofi

9.10.3 Sijil Penghargaan

9.11 Anugerah Atlet Terbaik Universiti Lelaki/Wanita

9.11.1 Plaque Pemenang

9.11.2 Sijil Penghargaan

10 LAIN – LAIN

Jawatankuasa Anugerah berhak menentukan sebarang perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan ini. Keputusan Jawatankuasa Anugerah adalah muktamad.